

0737

U 8871 DEB
MAHATHIR - BENCI

JOHOR BAHRU, 23 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD HARI INI MENASIHATKAN PENGUNDI JOHOR BAHRU SUPAYA JANGAN TERPENGARUH DENGAN KEMPEN +MEMBENCI+ PUCUK PIMPINAN YANG SEDANG DILAKUKAN OLEH SESETENGAH PIHAK DALAM USAHA MEMANCING UNDI DALAM PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN KAWASAN ITU.

BELIAU MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA TIDAK MEMBIARKAN MEREKA DIPERALATKAN OLEH GOLONGAN TERSEBUT.

+KITA TIDAK HARUS MENGASASKAN KEPUTUSAN KITA KEPADA RASA KEBENCIAN DAN EMOSI SEBALIKNYA HARUS BERFIKIR APA YANG AKAN KITA DAPAT DARIPADA MENYUARAKAN PERASAAN ITU,+ KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 1,000 KAKITANGAN KERAJAAN PUSAT DAN NEGERI DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR, SAUJANA DI SINI.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PILIHAN RAYA KECIL INI DIADAKAN UNTUK MEMILIH SEORANG WAKIL RAKYAT BAGI BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT DAN BUKAN UNTUK MAINAN ATAU MELEPASKAN RASA BENCI.

+ITU BUKAN TUJUAN PILIHAN RAYA SEBENARNYA. TETAPI ADA ORANG MENGAJAK RAKYAT SUPAYA MEMBENCI PEMIMPIN,+ KATANYA. -- LAGI.
1457MST 23 08 88

0738

U 8872 DEB
MAHATHIR - BENCI 2 JOHOR BAHRU

+KALAU KITA TERPENGARUH DENGAN PERASAAN BENCI, YANG CANTIK PUN KELIHATAN HODOH, SEMUANYA TIDAK BAIK.

+SAYA SUKA MENGINGATKAN SUPAYA BERFIKIR DENGAN MENDALAM TENTANG APA JUGA TINDAKAN POLITIK YANG KITA AMBIL,+ TEGASNYA.

MENGENAI PEMULIHAN EKONOMI NEGARA, BELIAU MENAFIKAN DAKWAAN KONONNYA KEMEROSOTAN EKONOMI DISEBABKAN OLEH KETIDAKCEKAPAN KERAJAAN MENGENDALIKAN EKONOMI NEGARA.

+KITA SUDAH JELASKAN KEMELESETAN ITU DISEBABKAN OLEH KEMEROSOTAN EKONOMI DUNIA TETAPI SEMUANYA DITOLAK,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MELAHIRKAN KEGEMBIRAANNYA KERANA HARGA HAMPIR KESEMUA BARANGAN KOMODITI UTAMA NEGARA TELAH NAIK DAN +KITA DAPAT MELIHAT KEMESRAAN DI KALANGAN RAKYAT.+ -- BERNAMA.

1459MST 23 08 88